



Penjarakan sosial

Pakai pelitup muka

Amalkan
4P

Basuh tangan dengan sabun

Perhatikan gejala COVID-19

PERCUMA



PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

JUN 1 -15, 2020

www.buletinmutiara.com



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

RTB Sungai Pinang diharap bermula secepat mungkin

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF & WATAWA
NATAF ZULKIFLI

Gambar : ALVIE CHENG

DATUK KERAMAT – Kerajaan Persekutuan diharap dapat memulakan kerja-kerja fizikal Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang secepat mungkin menjelang Disember ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa projek tersebut telah ditunda sebegini lama sejak tahun 1999 sehingga menyebabkan berlakunya kejadian banjir kilat setiap kali hujan lebat ataupun air pasang besar dan terbaru adalah pada 12 Mei baru-baru ini.

Menurut beliau, dalam Belanjawan 2017, Kerajaan Persekutuan telah menyatakan komitmen dengan peruntukan berjumlah RM150 juta bagi pelaksanaan projek berkaitan.

“RM1 juta daripada kos tersebut telah diberikan kepada pihak perunding, yang mana kerja-kerja perundingan telah bermula dan sepatutnya selesai Jun ini... tetapi disebabkan keadaan politik semasa serta pandemik COVID-19 kini, semuanya mungkin tidak mengikut seperti yang telah dirancang.

“Oleh itu, harapan saya adalah jika ia (projek) ditangguhan pun janganlah terlalu lama kerana keperluan penaiktarafan projek ini adalah penting sekali kerana ia melibatkan kepentingan awam.

“Saya berpendapat bahawa apabila kita melihat projek-projek asas, iaitu projek untuk manfaat orang awam seperti ini (tebatan banjir) juga harus dilihat sebagai *essential services*. Jika tidak, kita akan berdepan masalah seperti banjir kilat dan memandangkan RTB Sungai Pinang adalah RTB terbesar di Malaysia, maka saya minta Kerajaan Persekutuan boleh percepatkan, sama seperti tindakan menangani COVID-19.

“Apabila banjir berlaku, ia akan jejakkan semua tidak kira kaum, agama dan fahaman politik... sekarang perlu teruskan projek RTB ini,” tegasnya yang juga Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media yang masing-masing diadakan pada 13 dan 16 Mei lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang; Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP, Ir. A. Rajendran; Ahli-ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat dan Pengerusi Kariah Masjid Sheikh Yusoff, Yusof Yacob.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa pakar perunding bagi RTB Sungai Pinang (sebelum pandemik COVID-19) dijangka akan memuktamadkan laporan projek tersebut pada akhir Jun ini.

“Sekiranya itu berlaku, kita jangkakan kerja-kerja fizikal melebar serta mendalamkan Sungai Pinang akan bermula pada Disember tahun ini,” jelasnya.

Dalam pada itu, Tung Seang menyatakan bahawa MBPP menyediakan peruntukan RM4 juta sebagai langkah jangka masa sederhana bagi menaik taraf laluan di Jalan P. Ramlee.

“Untuk jangka masa sederhana, MBPP telah menjalankan satu panggilan tender untuk menaik taraf Jalan P. Ramlee dan sistem parparitan di sini (tender tersebut telah ditutup untuk penilaian kini).

“Sekiranya semua lancar, saya harap ia dapat dilaksanakan selepas pertengahan tahun ini, dan projek ini dijangka mengambil



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) bersama-sama R.S.N. Rayer (kanan sekali), Yusof Yacob (dua dari kanan) dan wakil MPKK setempat ketika meninjau kawasan kampung yang sering dilanda banjir kilat berhampiran Sungai Pinang di sini pada 16 Mei lalu.



KERJA-kerja pembersihan saluran yang dijalankan oleh pekerja 3D MBPP.

masa kira-kira satu tahun untuk disiapkan.

“Selain itu, pada tahun ini dan tahun hadapan, MBPP juga merancang untuk menaik taraf beberapa jalan di George Town seperti Jalan Van Praagh, Jalan Pintal Tali, Lebuh Cintra, Lebuh Kimberley dan Jalan Kampung Kolam,” ulasnya.

Dalam jangka masa pendek, Tung Seang menyatakan bahawa MBPP senantiasa memastikan bahawa semua saliran longkang adalah bersih daripada sampah yang boleh mengakibatkan situasi banjir bertambah buruk.

“Malah, bagi mengurangkan impak banjir yang lebih teruk ketika musim hujan kini, Exco Kerajaan Tempatan telah mengarahkan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk MBPP untuk meningkatkan kerja-kerja pembersihan parit dan saluran bawah tanah.

“Akibat daripada musim kering yang lama, parit serta saluran sedia ada mungkin sudah mendap dengan tanah, selut dan daun-daun kering, kerja-kerja pembersihan secara berkala akan dilaksanakan serta ditingkatkan sekiranya perlu,” ujarnya.

Warna merah sebagai tanda penghargaan dan keberanian

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI & CHAN KOK KUAN

GEORGE TOWN - Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa tahun ini pastinya mencatat sejarah bermakna kepada mereka yang bergelar jururawat di seluruh dunia, khususnya di Pulau Pinang.

Ini kerana, golongan jururawat merupakan antara ‘benteng’ hadapan yang tidak jemu dan sentiasa bertungkus-lumus membendung penularan COVID-19 sehingga kini.

Mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada 5,636 jururawat bertugas di seluruh negeri Pulau Pinang.

“Selamat Hari Jururawat Antarabangsa.

“Bagi menghargai pengorbanan dan sumbangan para jururawat serta petugas barisan hadapan dalam menangani pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif khas menerangi bangunan ikonik Komtar dengan nyalaan lampu berwarna merah.

“Merah adalah simbol keberanian dan penghargaan tertinggi rakyat Pulau Pinang kepada semua jururawat serta pekerja perubatan barisan hadapan,” ujarnya pada majlis penghargaan kepada penyelia-penyalia jururawat negeri dan daerah di pejabat beliau dekat Komtar di sini 12 Mei lalu.

Bagi meraikan sambutan berkaitan, Kon Yeow turut mengenakan reben berwarna merah yang dipilih bersempena sambutan Hari Jururawat Sedunia 2020. Malah, menara Komtar turut dinyalakan dengan warna merah dua hari berturut-turut bermula 11 Mei 2020.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Dr. Asmayani Khalib; Sin Lian Thye (Ketua Penyelia Jururawat Negeri); S. Yasothai (Penyelia Penyelia Jururawat Negeri (Kesihatan Awam)); Noraslinda Ab. Rashid (Penyelia Penyelia Jururawat Negeri (Perubatan)) dan Ketua-ketua Penyelia Jururawat Daerah.

Serentak itu, sebagai simbolik, Kon Yeow turut menyampaikan jambangan bunga mawar serta daisy merah kepada semua wakil-wakil yang hadir termasuk Asmayani.



MENARA Komtar yang diterangi dengan warna merah.



KETUA Menteri dan Dr. Asmayani Khalib (bertudung merah muda) meraikan sambutan Hari Jururawat 2020 di sini baru-baru ini.

Status negeri Hijau, hasil kerjasama semua pihak

PERMATANG PASIR - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini meluangkan masa menyertai barisan kepimpinan setempat di Kampung Permatang Tengah bagi menyerahkan bantuan barang makanan keperluan asas kepada beberapa penerima terpilih dalam kalangan orang Islam di sini.

Beliau diiringi Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti dan ADUN Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil.

ADUN Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee; Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud turut serta dalam program tersebut.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada jentera Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat, juga kepada ADUN dan Ahli Parlimen kerana sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, pihak-pihak berkaitan telah mewakili Kerajaan

Negeri mengagihkan bantuan barang makanan kepada rakyat memerlukan,” jelasnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong ketika menyampaikan ucapan pada majlis berkaitan di sini 9 Mei 2020.

Menurut Kon Yeow yang juga Pengurus Jawatankuasa Keselamatan Khas Negeri (JKKN) Pulau Pinang, negeri berjaya mencapai status Hijau pada 8 Mei 2020 dengan tiada pertambahan kes positif COVID-19 dalam tempoh 14 hari berturut-turut hasil kerjasama daripada semua pihak

dalam negeri ini.

Justeru, beliau berharap semua pihak terus mengamalkan jarak sosial, pakai pelitup muka, senantiasa sanitasi tangan atau kerap membasuh tangan dengan sabun, sungguhpun kini Pulau Pinang dalam fasa pembiasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Selepas itu, rombongan Kon Yeow terus ke Pasar Awam Sementara Seberang Jaya bagi melihat tahap pematuhan prosedur operasi standard (SOP) fasa pembiasaan berdasarkan Strategi Pemulihan Berperingkat yang bermula pada 8 hingga 12 Mei 2020.

Mereka disambut oleh ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin.

Oleh: AZMI HUSSIN



PPSB kongsi lima langkah pulih operasi pasca COVID-19

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

BAGAN DALAM - Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) mengumumkan lima strategi pemulihan utama bagi mengembangkan kembali sektor perniagaan di pelabuhan, yang sebelum ini turut terjejas akibat pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ketua Pengarah PPSB, Sasedharan Vasudevan memberitahu perkara tersebut dalam sesi taklimat ringkas sempena lawatan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi ke pelabuhan tersebut di sini.

Menurut Sasedharan, strategi pertama adalah mempromosi secara agresif mengenai pelabuhan kapal dalam had pelabuhan Pulau Pinang merangkumi semua pelabuhan di bawah PPSB.

"Strategi kedua adalah mempromosi serta menjana pendapatan baharu daripada simpanan lama import yang kosong di halaman NBCT, dengan mekanisme tawaran khas.

"(Strategi ketiga,) kami juga adalah untuk mendekati pihak kapal pengirim dalam papan utama di Selatan Thailand, seperti *Panel Plus Company Limited* yang ketika ini menjadikan Pelabuhan Songkhla (sebagai tempat letak kargo mereka) ke Pulau Pinang dengan memperkenalkan insentif seumpama tempoh penyimpanan percuma atau kadar pengendalian khas, ruang gudang dan sebagainya.

"Seterusnya, (strategi keempat adalah) kita berharap untuk bekerja dalam satu pasukan dengan memberi keutamaan kepada pihak barisan operator utama demi meningkatkan lebih banyak aktiviti pelabuhan serta panggilan (untuk berlabuh) meliputi semua pelabuhan di bawah MMC Corp. Berhad.

"(Strategi kelima dan) terakhir, akan adanya acara menandatangi (perjanjian) antara kumpulan inisiatif (iaitu PPSB) dan barisan

operator utama untuk mencipta nilai tambah baru kepada pelanggan serta membolehkan mereka meningkatkan lagi jumlah kapasiti muatan dan penghantaran yang lebih banyak di semua pelabuhan di bawah MMC Corp. Berhad," jelasnya pada sesi lawatan delegasi berkaitan ke Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) pada 16 Mei 2020.

Sebelum itu, rombongan Kon Yeow disambut oleh Pengurus Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC), Datuk Tan Teik Cheng dan Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PPSB, Khairul Ikram Salamat.

Turut serta, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Ketika berucap, Kon Yeow menzahirkan penghargaan kepada PPSB kerana telah mengambil langkah melancarkan lima strategi pemilihan pasca COVID-19, tanpa menunggu syor-syor daripada Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

"Saya faham bahawa tidak mudah untuk



DELEGASI Ketua Menteri diberi penerangan berhubung operasi PPSB bersempena lawatan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.



PEMANDANGAN di NBCT.

beroperasi pada masa-masa yang begitu mencabar ini (iaitu Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, PKPB) kerana sempadan negara masih dekat dan perkara yang sama berlaku di negara jiran kita, maka, dengan itu mempengaruhi operasi syarikat (PPSB).

"Tetapi, Kerajaan Negeri senantiasa ada di sini untuk membantu semua sektor yang terlibat bagi kembali maju dan membangunkan ekonomi negeri secara bersama-sama," ulasnya yang juga Pengurus Jawatankuasa Keselamatan Khas Negeri (JKKN) Pulau Pinang ketika dibawa melawat menara kawalan NBCT.

Kon Yeow dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada pentadbiran PPSB kerana melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) yang begitu ketat demi melindungi keselamatan serta kebajikan pekerja-pekerja, selain bertujuan memutuskan semua rantaian

perebakan wabak COVID-19.

Selepas itu, rombongan Kon Yeow turut mengadakan lawatan ringkas ke Terminal Feri Pengkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth bagi meninjau operasi perkhidmatan ketika PKPB.

Rombongan berkenaan disambut oleh Ketua Rapid Ferry Sdn. Bhd. (Rapid Ferry), Osman Amir.

Menurut Osman, ketika ini, syarikat (Rapid Ferry) mengurangkan kapasiti perkhidmatan pengangkutan awam laut pada dua feri sahaja dengan frekuensi daripada 20 minit hingga 30 minit, kerana mengambil kira jumlah penumpang semasa yang begitu rendah.

"Sebilangan besar penduduk Pulau Pinang juga masih bekerja dari rumah, dan ini juga menjadi sebab penurunannya (jumlah penumpang semasa).

"Kita (Rapid Ferry) juga masih berusaha daripada segi kos operasi, dan kita (Rapid Ferry) cuba melakukan yang terbaik untuk mengoptimalkan perkhidmatan semasa," katanya.

Osman menyatakan bahawa syarikat itu juga mengambil langkah-langkah memutuskan semua rantaian perebakan COVID-19, seperti kerja-kerja pembersihan dan pembasmian kuman pada semua bahagian fiskal feri serta terminal secara berterusan, selain program pendidikan kesedaran mencegah risiko wabak dalam kalangan kakitangan dan pelanggan.

Rombongan Kon Yeow turut dibawa menaiki feri ke terminal feri Pengkalan Raja Tun Uda dekat Weld Quay untuk melihat dengan lebih dekat mengenai pelaksanaan SOP berwajib ketika PKPB.



SEBAHAGIAN penerima bersama-sama sumbangan masing-masing pada Majlis Penyampaian Bantuan Kepada MPKK di Kampung Sungai Setar dekat sini baru-baru ini.

(JKKN) Pulau Pinang.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Yazman Yahya; Pemangku Ketua Polis Daerah SPS, Deputi Supritenden Baeyah Abdul Wahab dan Ketua Polis Balai Simpang Empat, K.P. Surestaran antara pemimpin negeri yang menyertai lawatan Kon Yeow di sini.

Dedikasi MPKK dipuji

SUNGAI ACHEH - Pek makanan keperluan asas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bukan diagihkan kepada semua pihak, sebaliknya hanya kepada mereka yang dalam senarai penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan skim bantuan di bawah Agenda Ekonomi Saksama (AES) sedia ada.

Mengulas lanjut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Aceh, Zulkifli Ibrahim memberitahu bahawa terdapat anggota Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat dikritik hebat oleh orang awam tertentu yang menyangka bahawa pek bantuan 'Penang Lawan COVID-19' tersebut diagihkan kepada semua pihak tanpa merujuk kepada senarai khas.

"Yang terputus langsung bekalan bantuan, warga emas dan mereka yang dalam senarai penerima sedia ada, bantuan memang disalurkan melalui MPKK.

"Kerana ada rumah yang dapat (pek bantuan barang makanan keperluan asas) dan ada yang tidak dapat, ada anggota MPKK kita sampai dimaki.

"Bagaimanapun, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua MPPK dalam KADUN (Kawasan Dewan Undangan Negeri) Sungai Aceh, kerana masih menunjukkan sikap dedikasi yang tinggi ketika mengagih bantuan kepada penerima layak," ucapnya pada Majlis Penyampaian Bantuan Kepada MPKK di Kampung Sungai Setar dekat sini pada 11 Mei 2020.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang berucap selepas itu menzahirkan rasa terharu atas sikap dedikasi yang ditunjukkan oleh 12 anggota MPKK bagi KADUN Sungai Aceh.

"Sejak 18 Mac 2020 (pelaksanaan PKP) sehingga fasa PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat) yang dijadualkan sehingga 9 Jun nanti, ini adalah tempoh paling mencabar.

"Namun, dengan disiplin yang ditunjukkan oleh rakyat dalam mematuhi PKP, juga semangat dedikasi ditunjukkan oleh anggota-anggota dalam barisan utama, serta MPKK seperti yang dijelaskan oleh ADUN Sungai Aceh, saya yakin usaha serta pengorbanan semua dalam memutuskan rantaian perebakan wabak COVID-19 ini akan berjaya," ujarnya yang juga Pengurus Jawatankuasa Keselamatan Khas Negeri

Pasca COVID-19, tumpuan kepada pelancongan domestik

Oleh: WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

TELUK BAHANG - Kerajaan Negeri akan menumpukan kepada sektor industri pelancongan domestik apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditamatkan sepenuhnya kelak.

Perkara tersebut dimaklumkan Ketua Menteri, Y.A.B.

Tuan Chow Kon Yeow pada lawatan di dua lokasi pelancongan terkemuka Pulau Pinang iaitu taman rama-rama, Entopia dan Taman Tema Escape (Escape) di sini 3 Mei lalu.

"Usaha ini adalah selari dengan pendekatan Exco Pelancongan Seni, Budaya dan Warisan, Saudara Yeoh Soon Hin untuk mendengar pandangan pihak berkepentingan (pelancongan) dan seterusnya merangka strategi untuk menarik serta memberi tumpuan terhadap pelancongan domestik setelah PKP ditarik balik kelak."

"Justeru, Kerajaan Negeri komited memberi sokongan dan bersama-sama dengan para pengusaha dalam usaha

pemulihan ekonomi dalam tempoh tersebut yang mana kita (Kerajaan Negeri) akan tangani perkara ini dengan sesegera mungkin," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada sesi lawatan berkaitan.

Turut hadir, Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Zolkifly

SIM Choo Kheng (kanan sekali) memberi penerangan berhubung cadangan bagi membangunkan semula sektor pelancongan pasca COVID-19 kepada Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Md. Lazim; Ketua Pegawai Eksekutif Escape, Sim Choo Kheng; Ketua Pegawai Eksekutif Entopia, Joseph Goh dan Ketua Pegawai Operasi Entopia, Chin Boon Tat.

Memangat gigih dua pengusaha pusat pelancongan berkaitan untuk kembali bangkit akibat impak pandemik COVID-19 mendapat pujian Kon Yeow.

"Kedua-dua pengusaha walaupun menerima impak daripada COVID-19, tetapi mereka menunjukkan semangat



KETUA Menteri bersama-sama Yeoh Soon Hin (kanan sekali), Zolkifly Md. Lazim (kiri sekali) dan Joseph Goh (dua dari kiri) merakam gambar kenangan di papan tanda Entopia pada sesi lawatan di sini baru-baru ini.

yang gigih untuk memulihkan semula keadaan termasuk membuat perancangan baharu membabitkan inisiatif tambahan daripada Kerajaan Negeri antaranya meliputi geran, syarat pelesenan, promosi, kadar sewa, subsidi dan lain-lain yang berkaitan.

"Ekoran terkesan dengan sifar kedatangan pelancong, secara tidak langsung daripada segi pendapatan, pihak-pihak tersebut adalah terkesan serta terjejas, namun komitmen mereka terhadap kaktungan masing-masing adalah tidak berubah.

"Bagaimanapun, situasi ini tidak boleh berlanjut kerana sebagaimana sektor ekonomi lain, krisis ini perlu dipulihkan," jelas beliau.

Pada lawatan di Entopia, Joseph dan Boon Tat membentangkan

impak yang diterima pihaknya akibat pandemik COVID-19 serta cadangan pelan pemulihran membabitkan inisiatif tambahan daripada Kerajaan Negeri antaranya meliputi geran, syarat pelesenan, promosi, kadar sewa, subsidi dan lain-lain yang berkaitan.

Sementara itu, Choo Kheng membentangkan idea pihaknya untuk 'menghidupkan' semula industri pelancongan melalui pembinaan kereta kabel sejauh enam kilometer menghubungkan Teluk Bahang dan Bukit Bendera yang mana ia dilihat mampu menjenamakan semula Batu Ferringhi serta sektor perhotelan kelak.

Rebat cukai taksiran ringan beban rakyat

GEORGE TOWN - Exco

Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyambut baik pengumuman rebat cukai taksiran bagi tahun 2020 berjumlah RM47.3 juta yang diumumkan Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Beliau berkata bahawa di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 lantaran penularan wabak pandemik COVID-19, rebat cukai taksiran bagi tahun 2020 tersebut tidak akan dipungut oleh kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

"Secara keseluruhannya, terdapat kira-kira 322,549 pembayar cukai di bahagian pulau dan Seberang Perai (327,401).

"Cadangan terdahulu bagi menaikkan kadar cukai taksiran menganggarkan bagi tahun 2020, MBPP akan menerima tambahan (cukai) sekitar RM54 juta, manakala MBSP (RM39.7 juta).

"Namun, mengikut bantahan awam di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang telah dikemukakan rakyat Pulau Pinang, MBPP dan MBSP masing-masing telah bersetuju untuk mengurangkan kenaikan kadar (cukai) tersebut kepada RM19.4 juta dan RM27.8 juta.

"Justeru, melalui 175 sesi pendengaran awam yang dijalankan mengikut lunas undang-undang, saya telah mengemukakan input yang diterima kepada pihak Kerajaan Negeri, dan kini dengan gembiranya keputusan telah diambil untuk meringankan beban rakyat Pulau Pinang," ujarnya pada sidang media di sini 7 Mei lalu.

Turut serta, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Dato' Sr. Rozali Mohamud (Datuk Bandar MBSP).

Selain daripada bantuan dan rebat cukai taksiran berkenaan, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memaklumkan bahawa satu lagi bayaran *one-off* bernilai RM4.38 juta di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 akan disalurkan kepada golongan penjaja.

"Bayaran *one-off* RM500 akan disalurkan kepada kira-kira 3,103 penjaja di lot kedai berlesen, dan 5,666 penjaja yang berdaftar serta diberi 'tagging' di seluruh Pulau Pinang bakal menerima manfaat ini.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri untuk pakej bantuan kedua ini (Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0) yang bernilai RM76 juta selain daripada pakej awal (Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang) berjumlah RM75 juta menjadikan bantuan keseluruhan terutamanya kepada kumpulan yang paling terkesan di seluruh negeri ini berjumlah RM151 juta," jelasnya.



DR. NORLELA ARIFFIN (BERTUDUNG BIRU) menjelaskan mengenai fungsi beg yang diwujudkan bagi menjayakan platform digital DNA Penang & Bazar Pauh kepada Ketua Menteri bersempena penganjuran program Ziarah Kasih di sini baru-baru ini.

Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan menjelaskan bahawa inisiatif tersebut adalah projek perintis bagi menggalakkan lebih ramai anak tempatan membangunkan aplikasi digital untuk membantu usahawan luar bandar.

"Di kawasan Penanti, perkhidmatan e-hailing seperti GrabFood adalah sangat terhad. Justeru, kita amat bergantung

kepada khidmat golongan muda untuk menjalankan perkhidmatan penghantaran," ujarnya.

Sejurus melepaskan konvoi motosikal bagi mengagihkan sumbangan kepada penduduk kampung yang memerlukan, Kon Yeow kemudian turut meluangkan masa menziarahi seorang pesakit strok, Hassan Nordin Hashim dekat Lorong Guar Perahu 31, di sini.

Aplikasi digital bantu peniaga kecil luar bandar peroleh pujian

PENANTI - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memuji usaha Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin dan pasukan Parlimen Permatang Pauh membangunkan aplikasi digital bagi membantu peniaga meneruskan perniagaan sepanjang bulan Ramadan.

Beliau berkata, pembangunan aplikasi yang dinamakan DNAPenang & Bazar Pauh itu diyakini mampu membantu peniaga di sekitar Parlimen Permatang Pauh serta Penanti khasnya untuk terlibat dalam perniagaan digital yang mana ia dapat digunakan secara lebih meluas.

"Syabas dan tahniah kepada Dr. Norlela (Ariffin) serta YB Nurul Izzah Anwar dan pasukan Permatang Pauh atas inisiatif serta pelancaran aplikasi khusus bagi membantu penduduk kampung di bulan Ramadan ini.

"Justeru, adalah diharapkan agar dengan adanya aplikasi ini, ia sedikit-sebanyak dapat menangani kesulitan para peniaga sepanjang

tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

"Apa yang dimulakan ini masih boleh diteruskan untuk manfaat masyarakat setempat walaupun selepas tamat tempoh PKP, dan saya percaya Kerajaan Negeri akan memberi sokongan sekiranya mendapti inisiatif ini boleh dilaksanakan pada masa akan datang," ucapnya pada Program Ziarah Kasih dekat Taman Guar Perahu di sini 9 Mei lalu.

Selain Norlela, turut hadir pada program tersebut adalah ADUN Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee; Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ahli Majlis bagi MBSP, Fahmi Zainol; Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Kamarul Haizal Koderat serta barisan kepimpinan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) bagi kawasan Parlimen Permatang Pauh.

Dalam pada itu, Norlela yang juga Exco Pertanian & Industri

Pematuhan SOP, lawatan ke kilang SME

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

PERAI – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengadakan lawatan kerja ke Barkath Co-Ro Manufacturing Sdn. Bhd. (Barkath) iaitu syarikat pengeluar minuman jus Sunquick di Kawasan Perindustrian Sungai Lokan, Butterworth.

Ketika berucap, beliau menzahirkan penghargaan kepada penggerak industri ekoran komitmen beroperasi mengikut piawaian operasi standard (SOP) yang digariskan oleh pihak berkaitan ketika fasa keempat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 4).

"Kita (Kerajaan Negeri) memahami bahawa adalah sangat sukar untuk kilang beroperasi dalam tempoh PKP, dan saya begitu gembira apabila mengetahui bahawa walaupun sukar untuk beroperasi pada awalnya, syarikat telah mengatasi cabaran dengan sokongan pelbagai pihak berkepentingan."

"Kerajaan Negeri hari ini juga akan melakukan apa sahaja demi membantu semua kilang yang terjejas dalam tempoh yang mencabar ini," jelasnya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Khas Negeri (JKKN) Pulau Pinang pada lawatan khas ke kilang berkaitan di sini pada 30 April 2020.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Pengerusi Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) Pulau Pinang, Datuk Dr. Ooi Eng Hock.

Kon Yeow menyatakan bahawa sepanjang tempoh PKP 4 tersebut, beliau turut mengadakan lawatan kerja ke beberapa kilang lain membabitkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) demi memastikan hasrat operasi sektor-sektor tambahan yang telah mendapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) tidak sampai menjelaskan usaha semua pihak selama ini, iaitu memutuskan semua rantaian perebakan wabak COVID-19.

Sebelum itu, rombongan kerja Kon Yeow ke kilang Emico Holdings Berhad dekat bahagian pulau, disambut oleh Ketua Pegawai Operasi, Loh Gim Huat serta Pengurus Besarnya, Troels Moller Overby.

Dalam satu taklimat ringkas, Overby memberitahu bahawa beliau bersyukur kerana operasi kilang dapat beroperasi pada kapasiti penuh sebagaimana SOP diumumkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 28 April lalu bagi tempoh PKP 4.

"Pada peringkat awal penguatkuasaan PKP, kami hanya

dibenarkan mengerah 50 peratus daripada 200 pekerja kami dalam sehari, membawa maksud kurang daripada 100 pekerja sahaja dibenarkan bekerja di tiga buah kilang kami di Pulau Pinang.

"Disebabkan itu, kami menghadapi sedikit kesulitan untuk memenuhi permintaan pelanggan kami, dan ini juga mengganggu rantaian bekalan kami."

"Tetapi, oleh kerana kami dapat beroperasi dengan kapasiti penuh kini, ia secara tidak langsung sangat membantu kami di sini," ujarnya.

Overby berkata bahawa pihaknya sangat komited untuk mematuhi semua SOP yang digariskan MITI, demi mengekang penularan wabak COVID-19 dalam kalangan pekerja industri berkenaan.

"(Langkah pematuhan SOP secara ketat) ini termasuk daripada segi melakukan pemeriksaan suhu badan (para pekerja), mempraktikkan jarak sosial serta langkah-langkah pencegahan lain demi menjaga keselamatan dan kebijakan para pekerja kami," tambahnya.

Di sini, Kon Yeow turut mendapatkan maklum balas para pekerja mengenai amalan norma baru di tempat kerja dan di rumah, ketika pelaksanaan PKP telah memasuki hari ke-44 pada tarikh lawatan 30 April 2020.

PPE barisan hadapan sebagai CSR syarikat pembuatan plastik

JAWI – Sebuah syarikat pembuatan produk plastik, GB Plas Sdn. Bhd. menghasilkan peralatan pelindung diri (PPE) untuk petugas perubatan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporatnya (CSR).

Pengurus Operasinya, Jazmine Gooi berkata, adalah menjadi keperluan untuk pihaknya menghulurkan bantuan kepada pasukan barisan hadapan ketika negara sedang berdepan pandemik COVID-19.

"PPE bukan produk utama kami, tetapi kami merasakan bahawa adalah perlu memainkan peranan untuk membantu masyarakat serta barisan hadapan khususnya pasukan perubatan dalam pertempuran melawan COVID-19."

"Kami menghasilkan pelindung muka jenis Polyethylene Terephthalate Glycol (PETG), pelindung muka yang boleh diubah suai, kotak aerosol, stesen nyah kumah bergerak, pelindung bersin dan pensanitasi tangan."

"Bekalan ini disumbangkan kepada hospital dan klinik-klinik di Pulau Pinang," katanya kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow semasa lawatan beliau ke kilang berkenaan dekat Kawasan Perindustrian Bukit Panchar, Nibong Tebal pada 11 Mei lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Dalam pada itu, Kon Yeow memuji usaha syarikat berkaitan atas bantuan dan sumbangan mereka dalam membantu memenuhi keperluan pasukan barisan hadapan.



JAZMINE Gooi (kiri sekali) menjelaskan beberapa ciri kepingan plastik kepada Ketua Menteri dan delegasinya bersempena lawatan khas di sini baru-baru ini.

"Kami berharap apa yang dilakukan oleh pihak syarikat ini dapat memberi inspirasi kepada lebih banyak lagi syarikat untuk menyumbang dalam tempoh yang mencabar ini," katanya.

Terdahulu, ketibaan Kon Yeow disambut baik oleh Pengurus Besar GB Plas, Cindy Low dan Pengurus Teknikalnya, Chai Kean An.

Beliau dan pasukannya dibawa melawat ke bahagian pengeluaran kilang terbabit.

Pada akhir lawatan, syarikat berkenaan turut menyumbangkan kira-kira 360 unit pelindung muka jenis PETG kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ditubuhkan pada tahun 2003, GB Plas Sdn. Bhd. merupakan salah sebuah syarikat pengeluar dan pengeksport kepingan plastik ekstrusi yang berkualiti tinggi di dunia.

Beberapa produk utama yang dihasilkan termasuklah kepingan Akrilik (PMMA), kepingan Polikarbonat (PC), kepingan Polistirena Tujuan Umum (GPPS) dan Panel Komposit Aluminium (ACP).

Utamakan kesihatan serta kebersihan pekerja tapak pembinaan

PANTAI JEREJAK

– Semua pemaju diseru untuk mengutamakan masalah kesihatan pekerja masing-masing sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akibat penularan wabak COVID-19 kini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa beliau berharap para pemaju senantiasa memastikan tapak pembinaan seliaan m a s i n g - m a s i n g dijadikan sebagai tempat yang selamat buat warga asing mahupun pekerja tempatan.

"Hanya dengan tubuh yang sihat dan kesihatan yang baik membolehkan mereka bekerja dan dapat menyelesaikan projek, ia adalah untuk kebaikan pemaju sendiri... kerana apabila pekerja dilindungi, mereka dapat terus bekerja serta selesaikan projek," ujarnya ketika mengunjungi kabin penempatan pekerja warga asing di tapak projek perumahan Queens Waterfront di sini.

Queens Waterfront yang terletak berhampiran pantai pusat membelah Queensbay kini dalam fasa pembangunan oleh pihak pemaju, Ideal Property Group.

Turut serta, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Pengerusi Eksekutif Ideal Property Group, Tan Sri Alex Ooi Kee Liang.

Menurut Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi, pihaknya telah mengadakan beberapa siri



NOTIS dan pematuhan SOP di penempatan pekerja dekat tapak projek perumahan Queens Waterfront di sini.

lawatan ke syarikat multinasional serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi melihat sendiri kadar kepatuhan yang diambil pihak-pihak berkenaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta PKPB dilaksanakan.

"Sekarang saya mengunjungi tapak pembinaan akibat penularan wabak COVID-19, mereka dapat terus bekerja dan selesaikan projek," ujarnya ketika mengunjungi kabin penempatan pekerja warga asing di tapak projek perumahan Queens Waterfront di sini.

Selain meninjau kabin penempatan pekerja warga asing di tapak berkenaan, Kon Yeow turut dibawa ke lokasi dan diberikan penerangan lanjut berhubung prosedur operasi standard (SOP) yang diambil pemaju berkaitan sepanjang berkuatkuasanya PKP.

Difahamkan, semua pelawat dan pekerja perlu menjalani pemeriksaan suhu badan serta mencuci tangan sebelum dibenarkan memasuki tapak projek, selain daripada pemakaian topeng muka.

Dianggarkan bahawa terdapat kira-kira 500 pekerja warga asing menduduki tapak projek tersebut dengan setiap kabin memuatkan antara empat pekerja yang turut dilengkapi dengan dapur.

Premis disaran pastikan pelanggan patuhi jarak sosial

GEORGE TOWN -

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyarankan pihak bank di negeri ini agar mengatur beberapa petugas bagi memastikan pelanggan mereka mematuhi amalan jarak sosial ketika berbaris di luar premis bank.

Beliau berkata, berdasarkan tinjauan melalui kamera litar tertutup (CCTV) di Bilik Kawalan CCTV Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mendapati bahawa berlaku sedikit kesesakan di luar premis bank di sekitar bandar raya ini.

Berdasarkan lawatan kami ke beberapa tempat di sekitar bandar raya George Town dan pemantauan melalui beratus CCTV di ratusan lokasi dekat bahagian pulau mendapati bahawa keadaan trafik adalah sederhana dan tidak nampak kesesakan berlaku.

"Cuma kita dapat berlaku satu situasi yang mana orang ramai berhimpun di luar bank yang difahamkan untuk menuntut bayaran-bayaran tertentu.

"Beberapa bank juga didapati tidak mempunyai ruang yang cukup di luar premis masing-masing untuk membolehkan orang ramai beratur dengan mengekalkan jarak sosial satu meter.

"Justeru, diharapkan pihak bank dapat juga mengatur petugas untuk memastikan pelanggan-pelanggan mereka mematuhi jarak sosial walaupun dalam jumlah yang ramai," katanya selepas melakukan tinjauan keadaan hari pertama Fasa Pembiasaan Strategi Pemulihan Berperingkat yang bermula pada 8 Mei lalu dekat Bilik Kawalan CCTV MBPP di Komtar.

Turut serta, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Setiausaha Bandaraya, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut menzahirkan ucapan penghargaan kepada barisan petugas MBPP



KETUA MENTERI bersama-sama Ar. Yew Tung Seang (kiri sekali) ketika membuat pemantauan di Bilik Kawalan CCTV di sini baru-baru ini.

kerana menjalankan pemantauan berterusan bagi memastikan penduduk di negeri ini mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Terima kasih kepada MBPP kerana telah memantau keadaan di negeri ini pada hari pertama permulaan sektor ekonomi yang bermula hari ini menerusi pusat kawalan CCTV.

"Secara keseluruhannya, setakat tengah hari (8 Mei), keadaan dilihat adalah sederhana tetapi kita menjangkakan keadaan agak sesak pada hujung minggu," ujarnya.

Dalam pada itu, Tung Seang menyatakan bahawa pihaknya akan terus melakukan pemantauan bagi memastikan keadaan di sekitar bandar raya Pulau Pinang sentiasa dalam keadaan terkawal.

"Dari beberapa kawasan yang kita lawati, kelihatan bahawa rakyat masih dalam momentum dan tidak terlalu ramai," jelasnya.

Difahamkan, Pulau Pinang memasuki Fasa Pembiasaan (Fasa 2) pada 8 Mei 2020 di bawah 'Strategi Pemulihan Berperingkat Pulau Pinang' yang mana semua sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi di bawah PKPB boleh menyesuaikan diri dengan prosedur operasi standard (SOP) serta norma baru ini.

Normal baharu, semua pihak perlu sesuaikan diri

Oleh : WATAWA

NATAF ZULKIFLI

Gambar : ALVIE CHENG

GEORGE TOWN -

Syarikat pengangkutan awam, Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) pada 8 Mei lalu mengoperasikan keseluruhan 242 buah bas selepas menghadkan waktu operasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu sebagai inisiatif bersama mematahkan rantaian penularan wabak COVID-19.

Menurut Ketua Operasi Rapid Penang, Ahmad Shabuddin Abdullah, kesemua bas kembalis beroperasi sejurus Kerajaan Negeri mula membuka sektor-sektor ekonomi (yang dibenarkan) selaras dengan pelaksanaan Strategi Pemulihan Berperingkat Pulau Pinang yang memasuki fasa 2 pada hari berkaitan (8 Mei 2020).

"Hari ini (8 Mei 2020) merupakan hari pertama kita (Rapid Penang) beroperasi selepas tempoh PKP. Bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di bawah Strategi Pemulihan Berperingkat Pulau Pinang (SPBPP) Fasa 2, kita (Rapid Penang) telah meningkatkan perkhidmatan 100 peratus dengan 242 buah bas kembali beroperasi.

"Sebelum ini, Rapid Penang hanya beroperasi pada jam 6 hingga 10 pagi, dan 4 petang hingga 10 malam.

"Jadi bermula 8 Mei 2020, waktu operasi kita kembali kepada asal iaitu 5.30 pagi hingga 11 malam, manakala bas perantara Congestion Alleviation Transport (CAT) dan Central Area Transit (CAT) Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) masih belum beroperasi," katanya ketika ditemui pada sesi turun padang bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di Lebuh Campbell dekat sini 8 Mei lalu.

Turut hadir, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen dan Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Mengulas lanjut, Ahmad Shabuddin menyatakan bahawa dalam tempoh Strategi Pemulihan Berperingkat Pulau Pinang Fasa



KETUA MENTERI ketika menyantuni pembuat songkok terkenal pada sesi turun padang di Little India dekat sini 13 Mei lalu.

2, Rapid Penang turut meneruskan kawalan pergerakan penumpang merangkumi penjarakan sosial, menghadkan jumlah penumpang, saringan suhu badan dan juga termasuk proses pensanitasi bas.

Dalam pada itu, sejurus lawatan ke deretan kedai sepanjang Lebuh Campbell, Kon Yeow menjangkakan pemulihan sektor ekonomi di Pulau Pinang bakal memerlukan sedikit masa tertakluk kepada keadaan wabak COVID-19.

"Kalau masih ada kes-kes, ramai masih akan berwaspada, jadi kita perlu memberi masa untuk melihat kesan pembukaan semula sektor ekonomi sebelum benar-benar melihat hasilnya," ulasnya.

Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota memberitahu bahawa beliau mendapat walaupun kebanyakan sektor ekonomi sudah dibenarkan beroperasi pada 8 Mei 2020, namun masih tidak ramai pemilik premis mengambil kesempatan itu.

"Ini sesuatu yang normal, kerana pekedai-pekedai pun perlu menyesuaikan diri dengan normal baharu.

"Kita berharap pembukaan semula akan berjalan lancar dengan keadaan ekonomi semakin pulih dan serentak itu, kita harap pemilik premis dapat melaksanakan dasar penjarakan sosial dalam kedai masing-masing dan langkah-langkah pencegahan perlu lain demi keselamatan semua," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Sementara itu, pada sesi turun padang ke Little India 11 Mei lalu, didapati kebanyakan premis telah beroperasi semula.

Tinjauan mendapati bahawa premis-premis memiliki inisiatif memenuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi bersama-sama memutuskan rantaian perebakan wabak COVID-19.

Ramadan normal baharu, empat surau KADUN Pengkalan Kota terima sumbangan

PENGKALAN KOTA -

Kerajaan Negeri memperuntukkan RM2,000 masing-masing kepada empat surau di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pengkalan Kota sebagai persiapan bulan Ramadan pada tahun ini.

ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen memberitahu perkara tersebut ketika menerima kunjungan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ke Surau Ar-Raudah, Kompleks Pulau Mutiara, Lebuh Macallum di sini pada 16 Mei lalu.

Dalam kunjungan tersebut, Kon Yeow menyertai ahli-ahli jawatankuasa surau mengedarkan 150 bungkus nasi beriyani sebagai juadah berbuka puasa.

"Pada tahun sebelumnya, majlis berbuka puasa dianjurkan dari semasa ke semasa bersama-

sama penduduk setempat yang beragama Islam di sini.

"Namun, pada tahun ini, kita berdepan normal baharu akibat pandemik COVID-19, justeru, kita buat inisiatif dengan mengedarkan juadah dari rumah ke rumah.

"Jumlah keseluruhan yang sudah diedar sebelum ini, termasuk kini adalah 800 bungkus nasi bagi 'menggantikan' majlis berbuka puasa yang dianjurkan tahun-tahun sebelum ini," ujar Zi Sen pada majlis berkaitan kepada Buletin Mutiara.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Wong Yhee Harn; Pengurus Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Lebuh Macallum, Lee Heong Chun; Pengurus MPKK Jalan



DANIEL GOOI ZI SEN.

Prangin, Ahmad Shahreazal Abdul Rashid dan Pengurus Surau Ar-Raudah, Abdullah Abdul Raman.

IKEA tekad lawan COVID-19

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

BUKIT TAMBUN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini membuat tinjauan pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) di gedung kelengkapan rumah IKEA Batu Kawan, sempena Fasa Pembiasaan Strategi Pemulihan Berperingkat yang bermula pada 8 Mei sehingga 12 Mei 2020.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud turut serta lawatan tersebut.

Hadir sama, Pemangku Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Deputi Supritendan Baerah Abdul Wahab dan Ketua Polis Balai Simpang Empat, K.P. Surestaran.

Kira-kira 45 minit, rombongan Kon Yeow dibawa melihat tahap persediaan SOP di semua bahagian lot komersial dalam bangunan kompleks gedung dekat sini.

"Sepanjang tempoh PKP ini (iaitu) sebelum bermula Perintah Pergerakan Bersyarat (PKPB), kita (IKEA Batu Kawan) berusaha mengurangkan mesej

komersial kerana tidak mahu berlaku lambakan pengunjung bermula pada pagi ini (8 Mei).

"Yang banyak ditekankan dalam mesej khidmat kemasyarakatan kita (IKEA Batu Kawan) sepanjang tempoh PKP sejak 18 Mac lalu adalah kampen peri penting amal jarak sosial, pakai pelitup muka, senantiasa gunakan sanitasi tangan atau kerap basuh tangan dengan sabun, kerana ini tanggungjawab sosial korporat kami.

"Kami (IKEA Batu Kawan) mempunyai komitmen yang sama dengan a n



SALAH
seorang kakitangan bertugas di kafetaria IKEA menunjukkan pemakaian kelengkapan mengikut SOP ditetapkan.



A. Pathmalingam (kiri sekali) bersama-sama Ketua Menteri dan delegasi Kerajaan Negeri mengadakan lawatan ke salah satu bahagian gedung IKEA Batu Kawan bersempena lawatan khas di sini baru-baru ini.

negeri Pulau Pinang iaitu mahu memutuskan semua rantaian perebakan wabak COVID-19 secepat mungkin, agar operasi ekonomi pada kapasiti penuh mengikut cadangan pelan pemulihan aktiviti ekonomi dapat dilaksana ikut perancangan Kerajaan Negeri," jelas Pengurus Gedung, A. Pathmalingam dalam

sesi taklimat di pintu masuk utama IKEA Batu Kawan pada sesi lawatan berkaitan di sini 8 Mei lalu.

Difahamkan, menurut rangka pelaksanaan 'Strategi Pemulihan Berperingkat Pulau Pinang' yang diumumkan Kon Yeow baru-baru ini, fasa pembiasaan adalah bertujuan untuk semua sektor tambahan yang mendapat

kebenaran memulakan operasi di bawah PKPB serta rakyat secara perlahan-lahan boleh menyesuaikan diri dengan SOP dan norma baru ini.

Selepas itu, diikuti, fasa pembukaan untuk sektor-sektor tambahan yang dibenarkan beroperasi di bawah PKPB pada kapasiti penuh ketiga, bermula pada 13 Mei dan seterusnya.

Perang lawan pandemik COVID-19 masih belum tamat

BERTAM - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengingatkan rakyat negeri Pulau Pinang bahawa perang melawan pandemik COVID-19 masih belum tamat.

Menurut beliau, 'pertempuran' tersebut memerlukan penglibatan masyarakat sepenuhnya berhubung pelaksanaan normal baru dalam kehidupan sehari-hari.

"Perang ini memerlukan penglibatan masyarakat mengikut arahan serta tindakan yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT) serta jawatankuasa bencana dan seterusnya dibawa ke akar umbi iaitu rakyat."

"Arahan tersebut disalurkan melalui wakil rakyat ataupun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dalam menggerakkan komuniti setempat bagi mematuhi SOP (prosedur operasi standard) khususnya dalam kalangan peniaga-peniaga serta individu-individu supaya senantiasa mengamalkan jarak sosial, kebersihan diri dan elakkan perhimpunan ramai," ucap Kon Yeow sejurus menyampaikan bantuan keperluan kepada barisan hadapan di Pejabat Pegawai Penyelaras Khas Peringkat Parlimen Kepala Batas dekat sini pada 9 Mei lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pegawai Penyelaras



KETUA Menteri bersama-sama Mustafa Kamal Ahmad (dua dari kiri), Sr. Rozali Mohamud (dua dari kanan) dan Zulkifli Rashid (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa kejadian ribut dekat Bagan Belat di sini baru-baru ini.

Khas bagi Parlimen Kepala Batas, Lay Hock Peng dan Pegawai Penerangan Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Pejabat Ketua Menteri, Zahar Zainul.

Pegawai Daerah bagi Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Zulkifli Rashid; Ketua Polis bagi Daerah SPU, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor dan pegawai-pegawai dari agensi-agensi berkaitan turut serta.

Antara sumbangan yang disampaikan

termasuk pelindung muka, pelitup muka, bantuan makanan, barang keperluan harian dan kebuk pemeriksaan saringan kes COVID-19.

Pada kesempatan sama, Kon Yeow merakamkan terima kasih di atas pengorbanan semua lapisan masyarakat terutamanya barisan hadapan yang menjadikan Pulau Pinang kini sifat aktif.

"Kita bersyukur hasil pengorbanan semua

lapisan masyarakat khususnya barisan hadapan, negeri Pulau Pinang kini tidak ada kes aktif, yang dirawat pun sudah sembuh dan kita capai status negeri Hijau.

"Walau bagaimanapun, kita jangan relaks, jangan anggap wabak ini sudah tiada, sebaliknya, kita masih perlu teruskan amalan-amalan yang baik lebih-lebih lagi apabila sektor sosial dan ekonomi akan dibuka sepenuhnya melainkan aktiviti-aktiviti yang dilarang," serunya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Sebelum ke Kepala Batas, Kon Yeow turut turun padang menyampaikan bantuan kepada tujuh keluarga yang menjadi mangsa ribut baru-baru ini di Bagan Belat, Dewan Undangan Negeri (DUN) Teluk Air Tawar

ADUN Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad menyatakan bahawa sumbangan yang disampaikan tersebut adalah daripada Tabung Bencana TYT.

"Melalui bantuan ini (Tabung Bencana TYT), kita sampaikan nilai 10 peratus daripada kerrosakan rumah yang dialami akibat kejadian ribut pada 26 April lalu.

"Serentak itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri yang sudi turun ke DUN Teluk Air Tawar untuk melihat sendiri kemenangan Jom Tewaskan COVID-19 hasil inisiatif setempat," ulas beliau.

COVID-19: Pulau Pinang, Kedah dan Selangor kongsi idea bangunkan sektor ekonomi

GEORGE TOWN - Pandemik COVID-19 yang melanda dunia kini bukan sahaja telah mengubah landskap sektor ekonomi negara bahkan turut mempengaruhi kehidupan sehari-hari masyarakat dunia.

Apatah lagi ada kajian yang dijalankan oleh pihak berkepentingan menjangkakan antara 800,000 sehingga 900,000 pekerjaan bakal hilang akibat penularan wabak ini di negara ini.

Menyedari hakikat itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kedah dan Selangor mengambil inisiatif segera dengan mengumumkan pakej rangsangan ekonomi masing-masing bagi membantu golongan terkesan termasuk meringankan kesan ekonomi akibat wabak COVID-19.

Di Pulau Pinang, pada 17 Mac 2020 iaitu sehari sebelum pengisytiharan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasaikan, Kerajaan Negeri telah mengumumkan insentif bantuan berjumlah RM20 juta.

Namun, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, setelah meneliti semula, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meluluskan tambahan RM55 juta menjadikan jumlah besar pakej bantuan yang diumumkan mencecah RM75 juta untuk Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 1.0.

"Sama seperti negara lain, Malaysia juga terkejut dengan kepentasan penularan wabak COVID-19, dan negeri Pulau Pinang tidak terlepas daripada ancaman tersebut, namun kita patut bersyukur kerana Kerajaan Negeri terutama negeri-negeri di Semenanjung Utara mengambil tindakan pantas (bagi membendung penularan COVID-19) yang mana kita mempunyai jumlah kes aktif terendah dalam negara.

"Mengenai Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 1.0 yang diumumkan sebelum ini, Pinjaman Tanpa Faedah Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang telah diperuntukan bagi membantu usahawan mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas.

"(Dan) di Pulau Pinang, sektor ekonomi sering menjadi suatu persoalan yang besar yang mana impak ini memberi kesan industri utama negeri seperti pembuatan dan perkhidmatan.

"Sebelum COVID-19 pun, kita terpaksa menghadapi cabaran ekonomi yang getir akibat perang dagangan antara China dan Amerika Syarikat yang turut membawa kepada krisis ke seluruh Asia Tenggara.

"Namun, syabas kepada ketiga-tiga negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang juga dan Kedah kerana mencapai prestasi terbaik dalam menarik pelaburan langsung asing (FDI) sekaligus dilihat dapat mewujudkan sehingga 20,000 peluang pekerjaan untuk diisi terutama dalam kalangan anak muda," ujarnya pada sesi khas Wacana Pasca COVID-19 : Qua Vadis, Anak Muda Malaysia yang disiarkan secara langsung menerusi platform Facebook pada 14 Mei 2020.

Selaku panelis wacana, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri kini sedang giat melihat peluang untuk membangunkan Digital Free Trade Zone atau Zon Dagangan Bebas Digital di negeri ini.

"Industri di Pulau Pinang kini tidak hanya bergantung kepada semikonduktor sahaja, sebaliknya beralih kepada landasan E&E (elektrik dan elektronik) dan kini wujudnya kluster-kluster industri baharu misalnya peralatan perubatan serta telekomunikasi.

"Begini juga dengan perkhidmatan gunasama global atau global shared services yang boleh diteroka untuk dikembangkan lagi di negeri ini pasca COVID-19 nanti.

"Saya percaya kita perlu memberi tumpuan terhadap inovasi-inovasi baharu dengan penggunaan teknologi digital agar kita dapat mencari kluster-kluster baharu supaya kita meneruskan hidup sebagai sebuah negeri yang dinamik dalam pembangunan ekonomi," katanya yang juga Naib Pengurus Parti Tindakan Demokratik (DAP) Kebangsaan.

Selain pakej bantuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mengambil pendekatan memperkenalkan Strategi Pemulihan Berperingkat bagi memastikan bukan sahaja rakyat Pulau Pinang bersedia, tetapi juga sektor-sektor yang dibenarkan beroperasi semula benar-benar mematuhi tatacara operasi standard (SOP) yang ketat.

Sebagai rekod, Strategi Pemulihan Berperingkat Pulau Pinang mempunyai tiga fasa iaitu Fasa 1 Persiapan (dilaksanakan mulai 4 hingga 7 Mei); Fasa 2 Pembiasaan (8 hingga 12 Mei) dan Fasa 3 Pembukaan (mulai 13 Mei baru-baru ini).

Meskipun, Kerajaan Persekutuan mengambil langkah drastik dengan membenarkan sektor-sektor tertentu beroperasi lebih awal, namun di Pulau Pinang, menurut beliau, ia dilaksanakan secara berperingkat mulai 13 Mei lalu dan tertakluk kepada SOP yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Maka tidak perlu risau, cuma perbezaan beberapa hari sahaja berbanding (keputusan) Kerajaan Persekutuan kerana kita (Pulau Pinang) berpegang kepada pemulihan secara berperingkat.

"(Dan) kita mahu wujudkan keseimbangan antara nyawa rakyat dan kehidupan dalam norma baharu," maklumnya.

Sementara itu, di Selangor, Menteri Besarnya, Datuk Seri Amirudin Shari berkata bahwa Kerajaan Negeri mengambil langkah segera dengan menubuhkan pasukan bertindak COVID-19 dan melantik bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkifly Ahmad sebagai pengerusi.

"Kita (Kerajaan Negeri) mula merangka dan mencangkok apakah penelitian serta garapan dasar kita bagi mengurangkan beban dan bersedia menghadapi realiti baharu.

"(Dan) kita ada membelanjakan antara RM500,000 sehingga RM1 juta bagi menampam kesan langsung kepada mereka yang terkesan sepanjang dua bulan lalu berdasarkan KADUN.

"Kita juga melaksanakan e-bazar Ramadan dengan berkolaborasi bersama-sama pengendali penghantaran makanan...mulanya sukar kerana rakyat tidak yakin dengan transaksi elektronik tapi kini mereka sudah terbiasa.

"Hal ini kerana, kita mendapat para pembeli lebih bersedia menghadapi proses digitalisasi berbanding penjaja-penjaja kita dan inilah yang kita harus lihat bagaimana mempercepatkan proses ini dalam kalangan penjaja.

"Kita belanja hampir RM100 juta untuk melihat keseluruhan proses ini yang sebahagiannya melibatkan proses digitalisasi termasuk membantu peniaga memasarkan produk mereka melalui Shopee.

"Kita mensasarkan kitaran perniagaan sekitar RM8 juta tetapi daripada fakta yang diterima, angkanya berlipat-ganda... ternyata rakyat bersedia untuk berubah terutamanya anak muda yang lebih terdedah kepada internet," responsnya sebagai menjawab soalan yang diajukan oleh moderator, Howard Lee iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pasir Pinji berhubung langkah-langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam mendepani kesan akibat COVID-19 ini terutama dari segi ekonomi negeri.

Bagi negeri Kedah, keputusan menangguhkan pelaksanaan PKPB pada 4 Mei lalu dibuat bagi memastikan ia sesuai mengikut keperluan negeri itu.

Berdasarkan laporan media, pendirian itu diambil bagi menjamin Kedah kekal sebagai zon Hijau dan rakyatnya tidak terancam dek penularan wabak COVID-19.

Mantan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Utama Mukhriz Tun Mahathir berkata, penularan wabak tersebut telah memberi impak yang luar biasa terutama dalam sektor ekonomi serta perdagangan.

"Sebagai sebuah negara yang bergantung terhadap aktiviti perdagangan, Kedah pastinya terkesan apabila banyak kilang-kilang terpaksa tutup, bekalan bahan mentah tidak sampai, pekerja-pekerja dipotong gaji atau menerima separuh gaji atau paling teruk diberhentikan terus.

"(Dan) saya percaya di sebalik cabaran yang dihadapi kini, kadang-kadang ada satu peluang tetapi untuk mencari peluang itu adalah amat payah.

"Contohnya, dalam soal pengeluaran padi yang mana kita (Kedah) terlibat dalam proses jaminan makanan dan kita rasakan bidang pertanian merupakan salah satu cabang sektor ekonomi yang masih mempunyai masa depan yang cerah.

"Maka, Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah wajar dengan memastikan Kedah masih mempunyai ketahanan dalam menghadapi cabaran-cabaran seperti ini dengan menentukan pengeluaran padi atau produk-produk pertanian

terus dapat dihasilkan dengan kualiti yang baik," jelaskan yang mahu melihat lompong yang wujud dalam penghasilan produk tani import dapat diisi oleh produk-produk tempatan.

Tambah beliau, Kerajaan kini giat merangka dan meneliti keperluan yang diperlukan oleh industri dalam menggerakkan semula sektor ekonomi di negeri itu.

"Selain pertanian, sektor pembuatan juga antara sektor ekonomi terbesar bagi negeri Kedah, dan kita (Kerajaan Negeri) perlu melakukan sesuatu dengan menggunakan teknologi terkini agar tidak ketinggalan jauh kelak.

"Misalnya, dalam penanaman padi, kita sememangnya menekankan kaedah penanaman estet padi yang mana kita boleh bayangkan penggunaan jentera padi yang besar berbanding kaedah sekarang yang diusahakan secara relung dan kurang ekonomikal dari segi skala ekomininya.

"Kebelakangan ini juga, saya dapat ramai anak-anak muda yang menceburii bidang pertanian ini dan mereka ini lebih berinovasi malah dari segi keberhasilan juga sangat baik.

"Oleh itu, saya amat menggalakkan mereka (anak-anak muda) ini untuk teruskan usaha ini dan kerajaan akan bantu sewajarnya," serunya yang juga Timbalan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Menyentuh mengenai penghijrahan modal insan ke Pulau Pinang dan Selangor, Mukhriz sebagai respons memaklumkan bahawa situasi tersebut telah lama berlaku.

"Biasalah anak-anak muda apabila mencari pekerjaan pasti akan mencari peluang yang banyak dan gaji yang lumayan, jadi kita di Kedah perlu melakukan perkara sama seperti yang ditawarkan di Pulau Pinang dan Selangor.

"Maka, Kerajaan Negeri akan melihat peluang yang ada dengan menawarkan peluang pekerjaan bernilai tinggi kepada anak-anak muda khasnya...kita tidak lagi kerja-kerja yang bergaji rendah.

"(Dan) diharap dengan inisiatif ini dapat menarik semula anak-anak muda Kedah kembali untuk sama-sama membangunkan negeri ini atau menarik modal insan dari negeri lain untuk kerja di Kedah pula," jawabnya.

Wacana Pasca COVID-19: Qua Vadis, Anak Muda Malaysia disiarkan secara langsung menerusi platform Facebook dan mendapat jumlah tontonan melebihi 930,000 dengan lebih 13,000 komen.

PANDUAN KESELAMATAN MAKANAN: SEMASA PENYERAHAN MAKANAN

- 
- 1 KEKALKAN JARAK 1 METER DARI PENERIMA
 - 2 MEMAKAI PENUTUP MULUT DAN HIDUNG SEMASA PENYERAHAN
 - 3 ELAKKAN BERSENTUHAN SEMASA PENYERAHAN MAKANAN
 - 4 KERAP MENCUCI TANGAN DAN GUNAKAN SANITIZER SEBELUM DAN SELEPAS MENYERAHKAN MAKANAN



Ketepikan politik lawan krisis COVID-19

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Aplikasi ‘Penang Contact Tracer’ atau PGCare yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah bagi membantu mengesan dan menguruskan risiko jangkitan COVID-19.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa aplikasi pintar tersebut dilengkapi dengan sistem pendaftaran bagi pengesanan kontak sekaligus mampu memutuskan rantaian COVID-19.

“Aplikasi ini merupakan kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta (3P) serta diselaraskan untuk mencapai keseimbangan antara kesihatan serta keselamatan awam.

“(Dan) ia adalah sebahagian daripada Misi C.A.R.E. Kerajaan Negeri melalui Strategi Next Normal Penang,” ujarnya pada sesi temu bual menerusi telesidang khas Wacana Pasca COVID-19: Qua Vadis, Anak Muda Malaysia di sini 14 Mei lalu.

Turut sama, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan mantan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Utama Mukhriz Tun Mahathir selaku panelis bersama. Manakala, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pasir Pinji, Howard Lee selaku moderator.

Dalam temu bual selama 90 minit itu, Kon Yeow berkongsi bahawa penggunaan aplikasi pintar itu akan meningkatkan pengesanan kontak dan ia dilihat penting untuk memberi keyakinan membuka semula sektor ekonomi negeri dengan selamat.

“Penggunaan aplikasi ini akan memudah cara pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bagi premis-premis perniagaan seperti yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

“Hanya tiga langkah mudah, aplikasi ini akan merekodkan nama serta nombor telefon bimbit dan hanya boleh diakses oleh Kerajaan Negeri sahaja,” katanya.

Bercakap mengenai Misi C.A.R.E., Kon Yeow berkata, ia merupakan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam melawan COVID-19 di negeri ini.

“Tugas paling genting adalah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 dan Fasa 2 yang mana pihak kerajaan bersama-sama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berusaha mengekang penularan melalui kempen-kempen kesedaran.

“Bagi negeri Pulau Pinang, mengekang pandemik (atau containing the pandemic) ini adalah melalui empat objektif utama iaitu memastikan bekalan peralatan perubatan mencukupi di semua klinik dan hospital kerajaan di negeri ini, termasuklah menempah 6 juta pelitup muka untuk diedarkan kepada frontliners (petugas barisan hadapan) dan rakyat terjejas.

“Keduanya, memastikan kemudahan kuarantin disediakan; meningkatkan keupayaan untuk membuat ujian saringan COVID-19 dan keempat melaksanakan sistem pengesahan menggunakan teknologi melalui aplikasi PGCare,” jelasnya.

Tambah beliau, walaupun ramai yang kembali bertugas di pejabat semula, termasuk para penjawat awam, mereka perlu

membuat penyesuaian.

“(Dan) ini membawa kepada misi kedua iaitu mengadaptasi institusi kita dengan normal baru.

“Menerusi misi ini, semua jabatan kerajaan perlu mematuhi SOP dengan tegas yang mana Digital Penang akan melaksanakan pendigitalisasi sektor awam termasuk menuuhkan Unit Pengurusan Bencana Negeri bagi memantau pandemik COVID-19 ini,” hurainya yang turut berkongsi misi untuk menyelamatkan rakyat dan ekonomi dengan mengumumkan beberapa inisiatif termasuk Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang yang bernilai RM151 juta serta mewujudkan sehingga 20,000 peluang pekerjaan dalam sektor awam dan swasta menjelang akhir tahun 2021.

Bagi misi terakhir, memperkasakan komuniti, Kon Yeow berkata bahawa pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil pendekatan dwi-partisan dalam menguruskan krisis pandemik berkaitan.

“Isu-isu berkaitan politik, kita ketepikan kerana krisis COVID-19 ini melibatkan isu keselamatan dan kesihatan rakyat.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan kempen kesihatan awam; memperkuatkhan perkhidmatan kaunseling termasuk menjalinkan kerjasama serta menggembungkan tenaga bersama-sama badan-badan bukan kerajaan (NGO),” kongsinya.

Sementara itu, di Selangor, Amirudin memaklumkan bahawa penggunaan aplikasi SELangkah memudahkan masyarakat membiasakan diri dengan normal baru sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di negara ini.

“Idea asal SELangkah adalah daripada Dr. Helmi Zakaria yang merupakan pakar dalam bidang teknologi digital dan kesihatan awam dengan menggabungkan analisis data raya dengan penularan pandemik.

“Aplikasi ini menggunakan konsep sama seperti penggunaan buku pendaftaran manual cuma didigitalkan supaya lebih efisien dan ia memudahkan untuk mengesan mereka yang berisiko.

“Hanya imbas kod QR yang dipamerkan di premis-premis berkaitan dan aplikasi tersebut akan memudahkan pengguna

■ Containing the pandemic

■ Adapting our institutions to the next normal

■ Rescuing people and the economy

■ Empowering community

C
A
R
E



[penanglawancovid19](#) [t.me/penanglawancovid19](#) [penanglawancovid19.com](#)

Misi C.A.R.E. Kerajaan Negeri melalui Strategi Next Normal Penang.

dikesan dan dihubungi, jika mereka berisiko,” maklumnya.

Difahamkan, Kerajaan Negeri Selangor turut mengumumkan Paket Rangsangan Selangor Prihatin bagi meringankan beban rakyat ketika negara dilanda wabak COVID-19 yang mana Fasa 1 sebanyak RM127.78 juta diaghikan bagi meringankan kesan pandemik terhadap kesihatan sosio-ekonomi negeri itu.

Pakej Fasa 2 yang berjumlah RM272.5 juta itu, memberi tumpuan sebagai memangkin ikhtiar membendung penularan COVID-19 serta menyerap impak sosio-ekonomi sepanjang tempoh tersebut.

Bagi negeri Kedah pula, sejumlah RM21 juta diperuntukan sebagai inisiatif bagi mengurangkan beban ekonomi termasuk RM10 juta bagi merangsang ekonomi pasca COVID-19.

Malah, Kerajaan Negeri turut meneliti beberapa isu penyeluruh bantuan membabitkan beberapa golongan rakyat yang terkesan akibat penularan pandemik ini.

Pasca COVID-19: sasar pasaran pelancongan domestik

GEORGE TOWN – Pelancongan merupakan antara sektor penting di Pulau Pinang yang terkesan teruk akibat penularan wabak COVID-19 sekaligus memberi impak ‘kurang menyenangkan’ terhadap pertumbuhan ekonomi negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, selain sektor pembuatan dan perkhidmatan, sektor pelancongan merupakan antara sektor utama negeri yang paling terkesan teruk.

“Kita (Kerajaan Negeri) bersama-sama Pasukan Kerja Next Normal Pelancongan Pulau Pinang kini sedang meneliti perkara ini termasuk mengadakan perjumpaan dan telesidang dengan pemegang taruh serta pemain industri pelancongan bagi membincangkan impak sektorial yang dihadapi sektor ini.

“Walau bagaimanapun, buat masa ini, kita mensasarkan promosi dalam pasaran domestik untuk menarik kemasukan pelancong tempatan ke negeri ini,” ujarnya pada sesi khas Wacana Pasca COVID-19 : Qua Vadis, Anak Muda Malaysia di sini pada 14 Mei 2020.

Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjung merupakan salah seorang panelis wacana tersebut selain Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan mantan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Utama Mukhriz Tun Mahathir.

Sebelum ini, Kon Yeow mengumumkan Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 bernilai RM76 juta bagi memperkuatkhan ekonomi selepas berhadapan impak penularan wabak COVID-19.

Malah, melalui pakej tersebut, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM10.37 juta sebagai usaha pemberdayaan sektor pelancongan di negeri ini.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan Negeri Pulau Pinang, Yeoh Soon Hin juga menerusi kenyataan media memaklumkan bahawa sebagai salah satu pemacu utama ekonomi negeri, sektor pelancongan memerlukan penyelesaian untuk meneruskan survival.

Beliau berkata, norma baharu dalam kehidupan seharian menjadi suatu cabaran dalam usaha memulihkan semula industri pelancongan di negeri ini.

“Para pengusaha pelancongan perlu bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi memastikan amalan kebersihan persekitaran sebagai keutamaan dalam memulihkan semula sektor ini setelah ia terjejas akibat wabak COVID-19.

“Kerajaan Negeri kini sedang merangka dan mengemas kini Pelan Tindakan Pemulihran Pelancongan yang baharu bagi mendepani cabaran wabak ini ketika ini,” jelasnya.

Sementara itu, Mukhriz turut berkongsi keadaan semasa pelancongan di Langkawi yang dilihat langsung ‘tidak bergerak’ sepanjang tempoh pelaksanaan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini.

“Saya telah mempergerusikan mesyuarat bersama-sama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan dilaporkan bahawa sektor pelancongan di Langkawi khususnya sangat mencemaskan meskipun telah diisyiharkan Langkawi sebagai Zon Hijau.

“Banyak perkara yang perlu diperhalusi kini terutama untuk pulihkan semula sektor ini bagi menarik kemasukan pelancong ke tanah air kita,” katanya.

Lawan COVID-19, penguatkuasaan masih perlu

Gambar : LAW SUUN TING

PULAU BETONG - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menegaskan bahawa penguatkuasaan daripada semua agensi khususnya masyarakat masih diperlukan dalam melawan pandemik COVID-19 di Pulau Pinang.

Menurut beliau, pencapaian baik Pulau Pinang sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini tidak harus disia-siakan setelah muncul sebagai negeri Hijau.

"Di negeri Pulau Pinang, sudah tiga minggu tiada kes baharu dan ini adalah satu pencapaian yang baik dan perlu diteruskan.

"Bagaimanapun, kita masih memerlukan penguatkuasaan daripada semua agensi, lebih-lebih lagi kerjasama daripada masyarakat umum.

"Ini kerana, tanpa kerjasama yang diberikan, maka segala perintah tidak akan dipatuhi, yang mana ianya adalah penting untuk memutuskan rantai perebakkan COVID-19," ucapnya ketika menyampaikan Bantuan Cakna Rakyat di Simpang Empat, Balik Pulau dekat sini

pada 12 Mei lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri bagi kawasan Balik Pulau, Gooi Seong Kin; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Tan Chiew Choon serta jawatankuasa bagi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Simpang Empat.

Pada program tersebut, Kon Yeow menyampaikan barang keperluan harian kepada 20 penerima terpilih dari kawasan MPKK Simpang Empat yang terkesan akibat penularan wabak berkenaan.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa kerajaan umumnya sedaya-upaya akan membantu golongan-golongan terkesan antaranya yang diberhentikan kerja, perniagaan terjejas serta sebagainya.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap kita dapat tangani wabak ini dengan semangat kerjasama bagi memastikan apa yang kita lakukan akan berhasil dengan satu keadaan terbaik sekali," tegasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong.



KETUA Menteri bersama-sama Mohd. Tuah Ismail (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada majlis Bantuan Cakna Rakyat di sini baru-baru ini.



HAKMILIK KEKAL

Keluasan Binaan
Bilangan Unit

Keluasan Binaan
Bilangan Unit

Jenis A	Jenis B	Jenis C
77mp (min) - 77mp (max) 72	100mp (min) - 100mp (max) 192	114mp (min) - 114mp (max) 48
Jenis AI	Jenis BI	Jenis CI
77mp (min) - 77mp (max) 6	100mp (min) - 100mp (max) 13	114mp (min) - 114mp (max) 4

PALMINGTON SDN BHD (892241-W)

12-01, Penthouse, Wisma Pantai, Jalan Wisma Pantai,

Kampung Gajah, 12200 Butterworth.

Tel : 04-324 0088 Fax : 04-324 0090

Email: tilb@tambunindah.com

5% Diskaun Untuk Bumiputera

No. Lesen Pemaju : 11882-11/11-2020/01032(L)
No. Permit Iklan & Jualan : 11882-11/11-2020/01032(P)
Nama Pihak Berkua yang Meluluskan Pelan Bangunan: MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-75/64
Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap: Sep 2022
Bilangan Unit : 335 Unit
Harga Jualan: RM419,000(min) - RM567,000(max)

Tempoh Sah : 28/11/2018 - 27/11/2020

Tempoh Sah : 28/11/2018 - 27/11/2020

Jenis Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah: Tiada
Sekatan Kepentingan: Tiada

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Praktik pendekatan seimbang kesihatan dan ekonomi

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

DATUK KERAMAT - Pembukaan keseluruhan sektor ekonomi secara berperingkat di Pulau Pinang merupakan satu cabaran, namun semua pihak diseru agar terus kekal berwaspada.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri mengamalkan pendekatan seimbang antara kesihatan dan ekonomi dengan melaksanakannya secara beransur-ansur.

"Selalunya kita (Pulau Pinang) 'lambat' daripada (Kerajaan) Pusat, apabila Pusat mengumumkan sesuatu, kita akan ambil sedikit masa untuk meneliti serta memutuskan bagaimana dapat melaksanakannya juga di peringkat negeri."

"Lebih baik kita perlakukan beberapa langkah untuk melonggarkan syarat-syarat yang diputuskan, tetapi lebih cepat bertindak dalam memperketatkan syarat-syarat prosedur operasi standard (SOP) tersebut," ujarnya pada sesi temu bual langsung bersama-sama kakitangan



DR. AZIZAH AB. MANAN.

Klinik Kesihatan Daerah Timur Laut (DTL) di sini pada 14 Mei lalu.

Kon Yeow sebelum itu meluangkan masa menziarahi kakitangan barisan hadapan di Klinik Kesihatan Jalan Perak dan pada kesempatan itu, beliau turut mengagihkan buah tangan berbentuk paket kurma kepada kakitangan klinik berkenaan.

Ketibaan beliau disambut Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Dr. Asmayani Khalib dan Dr. Azizah Ab. Manan (Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Pegawai Kesihatan DTL).

Menyedari akan sumbangan dan pengorbanan besar petugas barisan hadapan dalam melawan wabak COVID-19 sejak Disember 2019, Kon Yeow buat sekian kalinya menzhirikan ucapan ribuan terima kasih kepada wira-wira tersebut.

Menurut beliau, meskipun tempoh menangani wabak COVID-19 adalah satu tempoh paling mencabar, namun pengorbanan tersebut membawa hasil apabila Pulau Pinang kini diklasifikasikan sebagai negeri zon Hijau.

"Cabaran lebih besar adalah untuk kita



kekalkan zon (Hijau) ini, kita harus terus berwaspada, teruskan apa yang sudah dilakukan dan pastikan pematuhan semua SOP ditetapkan.

"Lebih-lebih lagi pada 15 Mei 2020, kebenaran untuk makan di premis telah diberikan khususnya untuk hotel, pusat membeli-belah dan juga rantaian francis makanan segera," ulasnya.

Dalam pada itu, Azizah dalam ucapannya sempat berkongsi pengalaman kakitangan kesihatan di Klinik Kesihatan DTL sepanjang menangani wabak COVID-19.

"Semua kakitangan memberikan komitmen cukup tinggi sepanjang mengawal wabak yang mana pada fasa permulaan, kami terpaksa berkampung di sini (klinik) sehingga 12 tengah malam, malah ada juga kakitangan yang kadang-kadang terpaksa tidur di pusat kuarantin sementara menunggu pemindahan pesakit ke wad," jelasnya sambil mengucapkan terima kasih di atas sokongan tidak terhingga oleh Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri dalam bersama-sama menghadapi wabak pandemik berkenaan.

Bantu cepatkan saringan pekerja warga asing

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama BP Clinical Lab Sdn. Bhd. (BP Lab) mengambil inisiatif khas mewujudkan fasiliti saringan kesihatan COVID-19 iaitu 'swab test' dalam kalangan pekerja warga asing di sini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa fasiliti tersebut akan beroperasi selama sebulan yang mana proses saringan dilakukan oleh petugas kesihatan bertauilah.

Menurut beliau, inisiatif khas tersebut adalah bagi membantu mempercepatkan proses saringan pekerja warga asing di Pulau Pinang selain daripada perkhidmatan pusat-pusat saringan kerajaan dan swasta sedia ada.

"Mengikut rekod, di bawah sektor utama iaitu pembinaan dan perkilangan, Pulau Pinang mempunyai seramai 51,208 pekerja warga asing.

"Jika kita ingin bergantung kepada fasiliti di hospital sahaja ia adalah tidak cukup dan akan mengambil masa yang agak lama untuk melakukan saringan kepada semua pekerja warga asing.

"Justeru, fasiliti ini diharap dapat membantu mempercepatkan proses saringan, ia hanya platform tambahan, majikan boleh melakukan saringan di mana-mana fasiliti atau pusat yang mereka kehendaki kerana kita hanya menyediakan fasiliti, manakala kos saringan ditanggung oleh pihak majikan," ujarnya ketika mengadakan pemeriksaan proses saringan COVID-19 kepada pekerja warga asing yang berlangsung dekat Padang Polo di sini 14 Mei lalu.

Difahamkan bahawa fasiliti tersebut akan dipantau rapi oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) bagi memastikan semua pematuhan penting diikuti sepanjang proses ujian saringan berlangsung.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar Yew Tung Seang; Asisten Komisioner Sofian Santong (Ketua Polis Daerah Timur Laut, DTL); Superitenden A.A.Anbalagan (Ketua Polis Daerah Barat Daya, DBD) dan wakil BP Lab serta pihak pemaju terlibat.

Mengulas lanjut, Jagdeep menyatakan bahawa langkah-langkah keselamatan perlu dipertingkatkan memandangkan Pulau Pinang kini berada di Fasa Pembukaan yang mana sektor utama dibenarkan beroperasi untuk menjana semula ekonomi.

"Untuk kekal sebagai negeri berstatus zon Hijau, kita akan terus meningkatkan pematuhan serta memberi keutamaan kepada masalah awam dan kesihatan.

"Justeru, seperti saranan Kerajaan Persekutuan, di peringkat negeri kita juga mewajibkan saringan kesihatan COVID-19 kepada semua warga asing yang bekerja di Pulau Pinang, tiada sebarang diskriminasi kerana ia adalah untuk kebaikan dan keselamatan mereka juga," jelasnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Bercakap pada sidang media

sama, Tung Seang memaklumkan bahawa ujian saringan yang berlangsung pada hari berkaitan adalah tertumpu kepada pekerja warga asing di tapak pembinaan kelolaan MBPP iaitu membabitkan 270 orang.


"Di bahagian pulau, kita mempunyai 109 tapak pembinaan, yang mana 10 peratus daripadanya adalah di bawah kelolaan MBPP dan buat masa ini, kita tumpukan kepada pekerja (warga asing) di tapak pembinaan MBPP terlebih dahulu, dan selepas ini fasiliti

ini boleh digunakan oleh mereka yang berminat.

"Semua pemaju dan pihak yang berminat untuk menggunakan fasiliti ini boleh menghubungi MBPP atau sekatariat Penang Masters Builders Association & Building Materials Dealers Association (PMBBMDA) bagi maklumat serta tindakan lanjut," ulasnya sambil mengalu-alukan panel lain yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk turut sama menawarkan perkhidmatan seumpamanya.

LINDUNGI DIRI, KELUARGA DAN KOMUNITI KITA

Amalkan 4P



Penjarakan sosial



Pakai pelitup muka ketika di luar



Pencucian tangan menggunakan sabun



Perhatikan gejala COVID-19

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow <i>chowkonyeow@penang.gov.my</i>	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy <i>ramasamy@penang.gov.my</i>	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh <i>pheeboonpoh@penang.gov.my;</i> <i>pheeboonpoh@yahoo.com</i>	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin <i>norlela_ariffin@gmail.com</i>	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng <i>chong.eng@penang.gov.my</i>	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagadeep Singh Deo <i>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my</i>	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain <i>pusatkhdmatn37@gmail.com</i>	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeoh Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng <i>komtar@dappg.org</i>	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.02 BERTAM YB Khalid Mehtab Mohd. Ishaq	(T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal <i>mustafakamal.mkba@gmail.com</i>	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy <i>n9.bagandalam@gmail.com</i>	(T) 04 - 313 3990
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil <i>faizfadzilamanah@gmail.com</i>	(T) 04 - 521 1106
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee <i>berapit@dappg.org</i>	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon <i>klee78@gmail.com</i>	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung <i>gooihsiaoleung@penang.gov.my</i>	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye <i>jawi@dappg.org</i>	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah <i>ybadunsungaibakapn20@gmail.com</i>	(T)
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifi Ibrahim <i>n21adunsgacheh@gmail.com</i>	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng <i>limguaneng@penang.gov.my</i>	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee <i>kebunbunga24@gmail.com</i>	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit <i>pulautikus@dappg.org</i>	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen <i>pengkalankota@dappg.org</i>	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim <i>limsiewkhim@penang.gov.my</i>	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong <i>batulancang@dappg.org</i>	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid <i>32seridelima@gmail.com</i>	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang <i>airitam@dappg.org</i>	(T) 04 - 829 9143
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam <i>kumar.harapan35@gmail.com</i>	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062
N.36 PANTAI JEREJAK YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail	(T)
N.38 BAYAN LEPAS YB Azril Mahathir Aziz <i>ambasegaria.aam@gmail.com</i>	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976
N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkifly Md. Lazim	(T)
DAP PENANG HQ <i>dappg@streamyx.com</i>	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115
-	(T)

NAMA ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	(T)
N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA Md. Khalil Salleh <i>novafast63@gmail.com</i>	(T) 012 - 598 4881
N.04 PERMATANG BERANGAN Azmi bin Alang <i>annzaley15@gmail.com</i>	(T) 017 - 585 5457 019 - 444 6600
N.05 SUNGAI DUA Mohd. Taupek bin Abd. Rahman <i>hajifek@gmail.com</i>	(T) 019 - 415 3850

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
DIREKTORI TELEFON OPERATOR ANTARABANGSA	103 101	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
KASTAM	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
IMIGRESEN	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	CAP	04-829 9511
EPF	04-226 1000	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
SOCSCO	04-238 9888	PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108 04-229 8555

Kalendar Pelancongan



SALURAN RASMI UNTUK INFO TERKINI KEMPEM PENANG LAWAN COVID-19



Saluran Rasmi Kempen Penang Lawan Covid-19

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBSP 2020**

Nama	Telefon
MBSP	04 - 549 7555
Ahmad Rizal Abd. Hamid	019 - 464 6696
Anuar Yusoff	016 - 461 6390
A'ziss Zainal Abidin	017 - 938 9192
Chee Yeeh Keen	019 - 455 7731
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Dr. Seow Kweng Tian	012 - 507 2229
Fahmi Zainol	018 - 232 2502
Galaibani a/l Subramnian	012 - 534 1384
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Khong Chee Seong	011 - 1522 6628
Marshidaliza Marzuki	011 - 3929 9023
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Muhamad Suzuki Ahmad	011 - 1119 4419
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Siti Shahanis Md. Sharif	010 - 369 5641
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Choo Eng	019 - 448 4344 04 - 323 2679
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Zainuddin Mohamed	012 - 479 4200

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Yeap Choon Keong	Timur Laut	Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR.	013 - 449 0366
2.	Velan A/L Kalimuthu	Barat Daya		018 - 394 4537
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara		012 - 488 1553
4.	P. Rachenamoorthy	Seberang Perai Tengah		019 - 457 2271
5.	U. Jagatsan	Seberang Perai Selatan		010 - 563 2279

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2020**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Abdul Latif Mohamad	012 - 248 5016
Ahmad Azrilal Tahir	019 - 541 4818
Alan Lim Wei Lun	017 - 343 3995
Andrew Chua Thian Chai	016 - 485 0031
Azahari Aris	016 - 499 2580
Azly Ibrahim	011 - 2432 9007
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor	019 - 413 8114
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvindar Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Ir. Zulfikar Ali Shri Abdul Aziz	019 - 470 0357
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Lee Wei Seang	012 - 452 8305
Mohd Suhairi Arumugam Abdullah	016 - 521 3369
Muhammad Khairul Mohd Ali	012 - 542 0520
Nor Afni Md. Yusuff	019 - 547 8460
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Soo Siang	012 - 475 2453
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Wong Yuee Harrng	016 - 439 9121

**SIDANG REDAKSI
BULETIN MUTIARA**

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Layari

 www.buletinmutiara.com

 [buletinmutiara](#) | ChowKonYeow

 [chowkonyeow](#)

 [@chowkonyeow](#)

Jasa syarikat korporat, NGO dikenang

Gambar : ALISSALA THIAN

BATU MAUNG - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa pentadbirannya amat berterima kasih dengan segala jasa pihak syarikat korporat serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bertindak menyalurkan pelbagai bentuk bantuan kepada penduduk negeri yang terjejas sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beliau berkata demikian pada majlis penghargaan yang berlangsung di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung, melalui Pusat Khidmat Rakyat Dato' Abdul Halim Hussain.

"Serentak itu, majlis ini turut diadakan untuk meneruskan program penyampaian pek barang makanan serta keperluan dapur kepada rakyat yang terkesan ekoran pandemik COVID-19 sehingga membawa kepada pelaksanaan PKP," jelasnya yang juga Pengurus Jawatankuasa Keselamatan Khas Negeri (JKKN) dalam majlis penyampaian pek bantuan barang makanan kepada 20 penerima dekat Flat Desa Kayu Manis di sini pada 12 Mei 2020.

Sejak PKP dilaksanakan pada 18 Mac lalu, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri melancarkan Kempen Lawan COVID-19 termasuk program



ABDUL Halim Hussain (kanan sekali) menyerahkan sumbangan kepada V. Girithren (kiri sekali) sambil disaksikan oleh Ketua Menteri pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.

pengagihan pek bantuan makanan melalui Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di seluruh negeri ini.

Ketika itu, ulas beliau, banyak NGO dan syarikat-syarikat korporat turut tampil mengambil bahagian dalam menyalurkan sumbangan kepada semua sektor rakyat yang terjejas dan anggota-anggota barisan

hadapan.

Berucap pada majlis sama, Abdul Halim yang juga ADUN Batu Maung menyatakan bahawa sehingga kini, kira-kira 2,000 pek barang makanan keperluan asas telah diagharkan secara berperingkat kepada penduduk setempat yang terjejas.

Selain itu, beliau yang juga Exco

Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan turut menyampaikan sijil penghargaan kepada Pengasas syarikat Yusof Taiyoob, Datuk Seri Yusof Taiyoob serta wakil syarikat Gaya Abadi Enterprise, Yazid Ghazali.

Sepanjang tempoh PKP, menurut Abdul Halim, kedua-dua pihak berkenaan merupakan antara penyumbang yang banyak mengambil bahagian dalam membantu penduduk Batu Maung yang terjejas dek COVID-19.

Beliau dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada firma guaman *Ong & Associates*; Setiausaha Honorary Consulate (Wilayah Utara), Manisha Lynn dan wakil syarikat One Two There Culture Media Sdn. Bhd., Nick Ng Shu Lin atas sumbangan pelbagai bentuk bantuan untuk penduduk setempat.

Dalam majlis berasingan selepas itu, Abdul Halim turut mengiringi Kon Yeow melawat Pertubuhan Rumah Kebajikan Seri Cahaya Pulau Pinang dekat Lintang Permatang Damar Laut, di sini.

Pada lawatan berkaitan, beliau menyerahkan cek bantuan RM1,000 kepada wakil pertubuhan, V. Girithren untuk program-program sokongan kebajikan kepada kanak-kanak di sini bagi tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilanjutkan sehingga 9 Jun 2020.



BOREALIS

LOT KOMERSIAL @ BATU KAWAN, PULAU PINANG

- AKSES MUDAH •
- KEDUDUKAN STRATEGIK •

Unit bumiputera kini dibuka untuk jualan dengan

5%
BUMIPUTERA
REBAT

+

KEMPEN

#SENANGjer

KUNJUNGI SEKARANG, MASA TERHAD!



Terus kerjasamakekalkan zon Hijau

Oleh : SUNARTI YUSOFF

Gambar : MBPP

GEORGE TOWN – Dua daerah di bahagian pulau negeri ini diisytihar sebagai zon hijau COVID-19 pada 27 April lalu apabila tiada kes baru dikesan untuk tempoh dua minggu berturut-turut sehingga 30 April 2020.

Walau bagaimanapun, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang menyeru agar semua pihak untuk terus memberikan kerjasama bagi memastikan bahagian pulau kekal sebagai zon Hijau COVID-19.

“Sejak permulaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), MBPP bersama-sama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) giat menjalankan operasi untuk memastikan PKP serta jarak sosial dipatuhi.

“Justeru, Majlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuk pasukan barisan hadapan (*frontliners*), *backliners* serta rakyat Pulau Pinang.

“Namun, kita tidak boleh leka dan perlu terus memberikan kerjasama agar bandar raya kita kekal menjadi zon Hijau,” katanya pada Mesyuarat Biasa Majlis yang diadakan secara dalam talian di sini 30 April lalu.

Dalam pada itu, Tung Seang berkata bahawa MBPP juga telah melancarkan beberapa inisiatif bagi membantu meringankan beban penduduk di negeri ini yang terkesan sepanjang pelaksanaan PKP.

“Antara inisiatif yang kita laksanakan adalah termasuk Jom Beli Online atau JBO@MBPP khusus untuk membantu para penjaja serta peniaga bazar Ramadan dapat menjalankan perniagaan secara atas talian.

“Selain itu, Majlis juga memperkenalkan *Business From Home* bagi mereka yang ingin mengusahakan perniagaan



AR. Yew Tung Seang (tengah) semasa mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis MBPP di sini baru-baru ini.

makanan dari rumah serta *Business From Farm* untuk pekebun dan penjual durian,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Tung Seang menjelaskan bahawa MBPP juga giat menjalankan beberapa perkhidmatan secara digital termasuk pembangunan *Integrated Local Council Solution* (ILCS) yang mana proses permohonan pelan kebenaran merancang, pelan bangunan dan lain-lain dapat dikemukakan secara atas talian.

“Hampir semua urus niaga MBPP juga telah menuju ke arah tanpa tunai dan bayaran boleh dibuat melalui platform

dan eko-sistem sedia ada.

“Malah, Majlis turut memberikan bantuan kepada semua syarikat dan kilang yang dibenarkan beroperasi dengan memproses permohonan mereka untuk melanjutkan waktu operasi dalam tempoh 24 jam.

“Oleh itu, kita (MBPP) juga berharap agar orang ramai bersedia untuk mengadaptasikan normal baru yang mementingkan keselamatan awam, kebersihan diri dan mengamalkan jarak sosial serta menjalankan pemulihran ekonomi secara digital,” ulasnya.

HAKMILIK KEKAL

RESIDENSI PERMAI RUMAH TERES 2 TINGKAT

JASNIA SDN BHD (677895-K)

12-01, Penthouse, Wisma Pantai, Jalan Wisma Pantai,
Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
Tel : 04-324 0088 Fax : 04-324 0090
Email: tilb@tambunindah.com

5% Diskaun Untuk Bumiputera



	JENIS A	JENIS B	JENIS C
Keluasan Petak Tanah:	119 mp (min) - 177 mp (max)	123 mp (min) - 123 mp (max)	134 mp (min) - 213 mp (max)
Keluasan Binaan:	205 mp (min) - 222 mp (max)	212 mp (min) - 212 mp (max)	220 mp (min) - 251 mp (max)
Harga Jualan:	RM768,000 (min) - RM879,000 (max)	RM790,000 (min) - RM812,000 (max)	RM813,000 (min) - RM944,000 (max)
Bilangan Unit:	51 Unit	14 Unit	27 Unit

No. Lesen Pemaju: 10558-3/07-2021/0638(L)

No. Permit Iklan & Jualan : 10558-3/07-2021/0638(P)

Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan : MPSP

No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-44/140

Tarikh Pemajuan Dijangka Siap : DIS 2022

Jenis Pegangan Tanah : Hakmilik Kekal

Bebanan Tanah : MBB

Sekatan Kepentingan : Tiada

Tempoh Sah : 16/07/2019 - 15/07/2021

Tempoh Sah : 16/07/2019 - 15/07/2021

Bilangan Unit:

Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis A) - 51 unit

Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis B) - 14 unit

Rumah Teres 2 Tingkat (Jenis C) - 27 unit

Fasa Pembukaan Strategi Pemulihan Berperingkat Pulau Pinang berkuat kuasa

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI & WATAWA NATAF ZULKIFLI

GEORGE TOWN – Bermula 13 Mei 2020, Pulau Pinang memasuki Fasa Pembukaan (Fasa 3) dalam Strategi Pemulihan Berperingkat Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pada tarikh tersebut, semua sektor dan aktiviti yang dibenarkan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah dibenarkan beroperasi dengan tertakluk kepada tatacara operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Menurut beliau, perkara itu telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri (JKKN) Pulau Pinang yang dipengerusikan beliau pada 12 Mei 2020.

“Mengenai aktiviti yang tidak termasuk dalam senarai larangan sebagaimana diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ini, maka ia dibenarkan.

“Aktiviti rekreasi pula adalah hanya terhad di taman-taman kejiranan dan taman poket di kawasan perumahan sahaja yang mana Taman Bandaraya, Taman Metropolitan, Taman Botani, Vision Park, Empangan Mengkuang, Pantai Kamloon, Taman Pelajaran Air Hitam Dalam, hutan-hutan lipur dan simpan serta kompleks sukan, stadium dan dewan orang ramai masih ditutup,” ujarnya pada sidang media yang disiarkan secara langsung menerusi Facebook @ChowKonYeow di sini 12 Mei lalu.

Mengulas mengenai sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba tidak lama lagi, Kon Yeow memaklumkan bahawa jumlah tetamu yang dibenarkan adalah tidak melebihi tujuh orang bagi kediaman bertingkat.

“Setelah mengambil kira nasihat daripada Ketua Pengarah Kesihatan, kita (Kerajaan Negeri) menasihatkan agar jumlah tetamu yang ditetapkan adalah tidak melebihi tujuh tetamu bagi rumah flat atau rumah pangsa.

“(Manakala) bagi solat berjemaah pula, Kerajaan Negeri menerima pakai SOP yang akan ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan yang mana SOP ini juga tertakluk kepada agama-agama lain,” umumnya.

Bagi kebenaran *dine-in* atau makan di dalam premis makanan, Kon Yeow memberitahu bahawa mesyuarat (JKKN) telah memutuskan ia akan dibuka secara bersara.

“Fasa 1 bermula 15 Mei 2020 membabitkan kategori hotel, pasar raya dan francis makanan segera yang mana garis panduan operasi akan diumumkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) selepas penyelarasan daripada Exco Kerajaan Tempatan dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP),” katanya.

Dalam pada itu, dalam sidang media pada 15 Mei lalu, Kon Yeow mengumumkan bahawa makan di premis makanan atau *dine-in* untuk sektor makanan serta minuman adalah dibenarkan

'Next Normal' Untuk Kunjungan Ke Premis Perniagaan

Guna buku log digital PgCare untuk memasuki premis perniagaan

3 langkah mudah

- LANGKAH 1**
Imbas kod QR atau layari laman web PgCare untuk pendaftaran: <https://pgcare.my/registration>
- LANGKAH 2**
Input maklumat premis perniagaan, cetak poster dan pamerkannya di pintu masuk premis. (Setiap premis akan diberi kod QR dan kod SMS yang unik.)
- LANGKAH 3**
Pastikan pelawat mengimbaskan kod QR yang dipamerkan dan input maklumat mereka sebelum dibenarkan masuk ke premis.

Untuk sebarang pertanyaan: help@pgcare.my

pada 18 Mei 2020.

“Perkara tersebut telah diputuskan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) yang bersidang pada 13 Mei lalu.

“Dalam kata lain, bermula 18 Mei 2020, Pulau Pinang akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sepenuhnya yang mana semua sektor yang dibenarkan di bawah PKPB oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) adalah dibenarkan di negeri ini,” jelasnya.

Mengulas lanjut berhubung pelaksanaan ‘Strategi Pemulihan Berperingkat Pulau Pinang’ sepenuhnya pada 18 Mei 2020 di negeri ini, bagi memudah cara pematuhan prosedur operasi standard (SOP) oleh premis-premis perniagaan, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan sistem pendaftaran bagi pengesahan kontak, iaitu aplikasi *Penang Contact Tracer*, ataupun PgCare.

“Aplikasi PgCare merupakan projek usaha sama PPP iaitu *public, private, partnership* antara Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dengan syarikat Madison Technologies yang disokong oleh Maxis Broadband Sdn. Bhd. Malaysia (perjanjian menerusi CMI) dan merupakan salah satu hasil perbincangan meja bulat maya, ‘Penang Lawan COVID-19 eCrowdSource: Hacking the Next Normal’ anjuran Digital Penang pada 20 April 2020.

“Anda boleh mengakses sistem ini di laman web, www.pgcare.my ataupun melalui www.penanglawancovid19.com.

“Di samping itu, aplikasi PgCare juga mampu mengantikan keperluan SOP mendaftar nama setiap pelawat yang memasuki premis perniagaan di Pulau Pinang sebagaimana diperlukan

Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang mana PgCare hanya memerlukan tiga langkah mudah, iaitu imbas kod QR; isi maklumat anda dan isytihar kepada pihak premis selepas anda *check-in* (masuk ke premis),” ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Padang Kota.

Mengulas lajut, Kon Yeow memberitahu bahawa sistem tersebut bukan sahaja menjimatkan masa dan menggelakkkan sentuhan, malah ia juga memastikan maklumat peribadi seseorang individu adalah selamat serta tidak disalah gunakan.

“PgCare hanya akan merekodkan nama serta nombor telefon anda, dan semua maklumat ini hanya boleh diakses oleh Kerajaan Negeri. Pihak premis perniagaan dan orang lain selain Kerajaan Negeri adalah tidak dapat mengakses maklumat-maklumat tersebut.

“Di pihak Kerajaan Negeri, pangkalan data adalah diurus dan maklumat tersebut hanya akan diakses sekiranya terdapat permintaan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tujuan pengesahan kontak ataupun ‘contact tracing’ bagi wabak COVID-19.

“Malah, pangkalan data maklumat hanya akan disimpan untuk 30 hari sahaja dan bakal dilupus secara automatik selepas itu sebagaimana permohonan serta persetujuan daripada JKNPP,” katanya yang juga Ahli Parlimen Tanjong.

Justeru, beliau menyeru semua pemilik premis perniagaan dan rakyat Pulau Pinang secara amnya supaya memberi kerjasama untuk menggunakan sistem ini secara bertanggungjawab.

Misi Pulau Pinang C.A.R.E, amalkan 4P

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengetengahkan ‘Strategi Next Normal Pulau Pinang’ dalam usaha menghadapi pasca pandemik COVID-19 demi membangunkan semula sosial ekonomi negeri ini.

Berkongsi empat misi utama yang terkandung dalam ‘Strategi Next Normal Pulau Pinang’, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa ia boleh disingkatkan kepada C.A.R.E iaitu:-

1. Containing the pandemic atau Mengenkang pandemik;
2. Adapting our institution to the next normal (Mengadaptasi institusi kita kepada normal baru);
3. Rescuing people and the economy (Menyelamatkan rakyat dan ekonomi) serta,
4. Empowering community (Memperkasakan komuniti)

“Setiap Exco, jabatan dan agensi negeri

perlu merancang tindakan mereka seterusnya berdasarkan Misi C.A.R.E. yang mana setiap misi ini mempunyai empat objektif penting.

“Saya yakin dengan ‘Strategi Next Normal Pulau Pinang’, negeri kita akan mampu bangkit semula pada kadar segera daripada kesan wabak COVID-19 ini.

“Strategi pemulihan kita hanya akan berkesan sekiranya kita sama-sama bekerjasama dan bersatu-padu. *Let us CARE for one another and rebuild our state again.*

“Janganlah sesekali kita leka kerana ancaman COVID-19 masih wujud, sesuaikan diri dengan normal baru dan pada masa sama kita perlu mendepani dunia pasca COVID-19,” serunya yang turut menyarankan agar orang ramai mengurangkan pergerakan di luar dan jadikan pemakaian pelitup muka sebagai rutin apabila keluar demi keselamatan diri, orang tersayang dan komuniti setempat.

Serentak itu, Kon Yeow juga menzahirkan penghargaan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) yang terus menjalankan ujian saringan COVID-19 dan pemantauan menyeluruh meskipun Pulau Pinang telah diklasifikasikan sebagai ‘Negeri Hijau’ setelah tiga minggu tiada kes baru dilaporkan.

“Bagi ujian saringan terhadap pekerja di tapak pembinaan dan sektor perkilangan, Exco Kerajaan Tempatan; pihak berkusa tempatan; Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB); Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH); Majlis Keselamatan Negeri (MKN) Negeri Pulau Pinang bersama-sama JKNPP sebagai penasihat teknikal akan memperhalusi SOP berkaitan dan akan diumumkan dalam tempoh masa terdekat ini,” maklumnya pada siaran

langsung menerusi laman Facebook beliau di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Kon Yeow memberitahu bahawa walaupun negeri Pulau Pinang telah membenarkan operasi sepenuhnya sektor-sektor yang dibenarkan di bawah PKPB, umum adalah diseru agar terus mematuhi SOP serta langkah-langkah kesihatan awam. Bantu dan bersama-sama Kerajaan Negeri untuk sebarluaskan mesej Amalan 4P, iaitu:-

1. Penjarakan sosial
2. Pakai pelitup muka
3. Pencucian tangan dengan sabun
4. Perhatikan gejala COVID-19

“Pastikan bukan hanya kita dan keluarga kita yang amalkan amalan 4P ini, sebaliknya juga rakan-rakan sepejabat, jiran-jiran dan juga orang awam di sekeliling kita demi keselamatan bersama. Kita boleh lakukannya, Penang Lawan COVID-19!” tegasnya.